

Demi kepentingan Islam

Dr. M: Ajaran sesat diawasi

Oleh FARUSH KHAN

KUALA TRENGGANU, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengkritik golongan-golongan yang mengembangkan ajaran salah bertujuan menjadikan umat Islam di negara ini mundur, berpecah-belah dan tidak mampu bertanding dengan kaum lain.

Timbalan Perdana Menteri merasa kesal kerana kegiatan-kegiatan itu biasanya dijalankan atas nama Islam.

Untuk mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku serta kepentingan umat Islam sendiri katanya, Kerajaan terpaksa mengambil tindakan wajar.

"Malangnya, apabila kita menasihatkan mereka jangan menyebarkan ajaran seperti itu, kita dituduh kononnya cuba menyekat perkembangan Islam," katanya lagi.

Bellau berucap demikian ketika melancarkan sambutan abad ke 15 Hijrah di Dewan Tunku Abdul Rahman di sini anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Pusat dengan kerjasama Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Trengganu.

Bellau selaku Timbalan Presiden UMNO menasihatkan rakyat meneliti peristiwa berdarah di Batu Pahat baru-baru ini bila golongan pelampau sanggup membinasakan umat Islam lain yang tidak melakukan sebarang kesalahan terhadap mereka.

Buruk

Katanya, peristiwa seperti itu kononnya dilakukan atas nama jihad mungkin berkembang jika tidak diawasi.

Bellau percaya, setengah-setengah golongan menjadi sesat disebabkan ajaran pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab dan berniat buruk.

"Saya percaya pemimpin-pemimpin itu menggunakan hadas dan firman semata-mata untuk menarik orang-orang lain melakukan jenayah seperti di Batu Pahat itu," ujarnya.

Katanya, jika perkara seumpama itu boleh berlaku di masa lalu, tidak mustahil peristiwa yang sama boleh berulang di tempat lain, sekiranya ajaran yang menyeleweng dibiarkan.

"Yang lebih buruk, ia mungkin menimbulkan peperangan di antara satu golongan umat Islam dengan umat Islam yang lain," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, berbagai peristiwa yang tidak disangka boleh berlaku telahpun terjadi, umpamanya peperangan antara Iran dan Iraq.

Bellau menolak sebarang anggapan bahawa umat Islam tidak patut menimba ilmu kecuai yang berkaitan dengan agama Islam.

"Islam menyuruh kita mempelajari apa sahaja yang baik dan menguntungkan selain dari agama. Kita disuruh menuntut ilmu kerana ia mempunyai kesan kepada agama Islam.

Tanpa ilmu dan usaha yang gigih, umat Islam terpaksa mengemis daripada orang lain yang akan mengaut keuntungan.

"Tetapi keuntungan yang paling besar bagi mereka ialah melihat orang-orang Islam berbunuhan sesama sendiri," ujar bellau.

Bellau menyeru umat Islam mengkaji sejarah perkembangan Islam sempena sambutan abad ke 15 itu untuk menjamin masa depan yang lebih bahagia.

Timbalan Perdana Menteri menerangkan, hasrat umat Islam untuk mencapai kejayaan dan kesejahteraan akan tercapai jika mereka betul-betul berpegang kepada ajaran Islam.

"Kalau kita hanya pandai menimbulkan tuduh-tuduhan karut dan perkara yang boleh memecah-belahkan umat Islam, masa depan kita akan menjadi buruk," katanya.

Bellau menarik perhatian bahawa umat Islam perlu sedar mereka hidup di dalam dunia yang ramai dengan orang yang bukan Islam.

"Oleh itu kalau kita mahu mereka menghormati kita atau menerima Islam, kita perlulah menunjukkan, Islam bukannya agama yang menyekat kemajuan," ujarnya.

Sebelum itu Datuk Seri Dr. Mahathir diberi sambutan permaidani merah setibanya di Lapangan Terbang Telaga Batin, 12 batu dari sini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. S
No. I